



■ Mohd Noh (tiga, kanan) menyampaikan cek berjumlah RM40,000 kepada Imam Masjid Chroy Metrey.

UTHM sumbang RM40,000

Bertujuan bina sekolah agama di Kemboja

SITI AISAH HABIRIN

JOHOR BAHRU – Universiti Tun Hussien Onn (UTHM) mengadakan lawatan susulan ke Kampung Chroy Metrey yang berada di wilayah Kandal, Kemboja, baru-baru ini.

Lawatan rasmi diketuai Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan lawatan rasmi kali ini juga menonjolkan keprihatinan warga universiti terhadap nasib golongan minoriti Muslim di Kemboja.

Pegawai Perhubungan Awamnya, Shafry Salim berkata, program pertama pada Hari Raya Aidiladha di mana UTHM mengorbankan 32 lembu di kampung itu.

"Lawatan delegasi UTHM pada kali ini membawa berita gembira kepada penduduk kampung kerana Dr Mohd Noh menyampaikan sumbangan dana wakaf berjumlah US\$13,000 bersamaan RM40,000.

"Sumbangan daripada dermawan negara dan warga UTHM itu bagi pemilikan sebidang tanah bersebelahan masjid di kampung tersebut," katanya.

Turut menyertai lawatan itu adalah

kumpulan kedua dari UTHM diketuai oleh Dekan Pembangunan dan Pengembangan Pelajar, Dr. Asri Selamat.

Shafry berkata, tanah yang dibeli itu akan didirikan sebuah bangunan sekolah agama tiga tingkat bagi membolehkan lebih 500 pelajar mengikuti sesi pembelajaran yang selesai.

Beliau berkata, satu kumpulan terdiri daripada 10 penuntut UTHM berkampung selama tiga hari sepanjang lawatan itu bersama-sama keluarga angkat di kampung tersebut.

"Pelbagai aktiviti kemasyarakatan diadakan, antaranya mereka membantu penduduk kampung memasang lantai jubin di masjid.

"Tidak ketinggalan program motivasi kepada anak-anak penduduk kampung serta melaksanakan kenduri sekampung melibatkan penyembelihan seekor lembu dan enam kambing turut diadakan," katanya.

Jelasnya, semua perbelanjaan aktiviti kemasyarakatan ini adalah hasil sumbangan warga UTHM sendiri.



■ Kumpulan yang menyertai lawatan menyempurnakan pemasangan jubin di masjid tersebut.